

Soalan No:12

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN TEO KOK SEONG [RASAH]

TARIKH : 19.3.2018 (ISNIN)

SOALAN :

Tuan Teo Kok Seong [Rasah] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :

- (a) mengapakah Kementerian tidak dapat mengumumkan senarai sekolah-sekolah yang menerima peruntukan penyelenggaraan pada tahun 2017; dan
- (b) mengapakah Kementerian tidak bercadang untuk memberi peruntukan tambahan kepada sekolah bantuan penuh yang juga menghadapi masalah kekurangan peruntukan penyelenggaraan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

(a) dan (b)

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa memberi perhatian terhadap keperluan pembaikan/ penyelenggaraan sekolah-sekolah terutama yang melibatkan keselamatan dan keselesaan yang mengganggu proses pembelajaran dan pengajaran.

KPM telah menyalurkan peruntukan bagi tujuan penambahbaikan dan penyenggaraan sekolah berdasarkan peruntukan yang diumumkan.

3

Sebanyak RM500 juta di bawah Tabung Khas Penambahbaikan dan Penyelenggaraan telah dibelanjakan bagi Sekolah Kerajaan, Sekolah Bantuan Kerajaan, Sekolah Berasrama Penuh, Sekolah Mubaligh dan Sekolah Agama Bantuan Kerajaan. Peruntukan tersebut telah dibelanjakan bagi kerja-kerja penyelenggaraan dan penambaaikan yang amat kritikal di sekolah-sekolah.

KPM juga menyalurkan peruntukan untuk penyelenggaraan kecil, pembaikan tanah serta ubah suai dan naik taraf sekolah dan institusi pendidikan di seluruh negara berdasarkan keperluan dan keutamaan skop kerja yang disyorkan oleh Bahagian KPM dan Jabatan Pendidikan Negeri tertakluk kepada peruntukan kewangan yang diterima oleh KPM.

RJM38